

23 JAN 2003

Mahathir-NAM/I

MAHATHIR GESA NEGARA LEMAH BERSATU UNTUK KEBAIKAN BERSAMA

KAHERAH, 23 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pentingnya peranan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) hari ini tidak harus dipersoalkan kerana pergerakan itu akan membolehkan negara lemah menghadapi cabaran sebuah dunia yang kini didominasi oleh satu kuasa tunggal.

"Ia lebih relevan hari ini kerana dunia yang didominasi oleh satu kuasa tunggal akan cenderung untuk tidak mengendahkan negara lemah.

"Jadi negara lemah perlu bersatu, mereka boleh berbuat demikian dalam NAM untuk memperkukuhkan diri mereka dan menentang sebarang penindasan oleh satu kuasa," katanya kepada pemberita pada Rabu selepas menyampaikan ceramahnya mengenai kepentingan perpaduan Islam di Universiti Al Azhar di sini.

Beliau juga berkata adalah salah untuk menganggap bahawa NAM tidak lagi relevan dengan berakhirnya Perang Dingin atau tidak wujudnya konflik antara Timur dan Barat.

Malaysia akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM bulan depan dan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga berpendapat bahawa cara terbaik untuk menyelesaikan masalah yang melanda negara Islam ialah bagi mereka duduk berbincang mengenai kaedah terbaik untuk mengukuhkan umat Islam .

"Disebabkan ini kita menganggap Sidang Kemuncak OIC dan NAM di Kuala Lumpur adalah amat penting.

"Kita perlu berbincang antara satu sama lain untuk mencari jalan termasuk bagi melindungi umat Islam yang hari ini diserang oleh orang yang menentang kita.

"Kita perlu merapatkan barisan supaya kita dapat mempertahankan diri kita," kata Dr Mahathir yang mengakhiri lawatan kerja tiga harinya ke Mesir pada Khamis.

Dr Mahathir juga berkata beliau telah menyampaikan jemputan kepada Presiden Hosni Mubarak untuk menghadiri kedua-dua sidang kemuncak itu yang akan diadakan di Kuala Lumpur.

Beliau berkata Mesir merupakan sebuah daripada negara pengasas NAM dan sudah sewajarnya bagi pemimpin negara itu menghadiri sidang kemuncak itu.

"Dia bagi pengakuan dia akan cuba, sekurang-kurangnya sehari. Kita harap dia dapat hadir," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kehadirannya di Mesir ialah untuk membincangkan cara-cara bagi meningkatkan jumlah dagangan antara Malaysia dan negara utara Afrika ini yang mempunyai 70 juta penduduk.

Perangkaan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) menunjukkan bahawa jumlah dagangan Malaysia dengan Mesir pada 2001 berjumlah RM835.1 juta dengan jumlah eksport RM797.69 juta dan jumlah import RM37.42 juta.

-- BERNAMA

MAM KHY RON